

# 'Jangan berpuas hati istilah memukau daripada acuan Barat'

WKB 2030 perlu anjakan ambil kira masalah semasa dihadapi negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan anjakan dilakukan terhadap Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) selepas mendapati dasar itu tidak menekankan dan mengambil kira masalah semasa dihadapi negara.

Meskipun mengakui WKB 2030 ada kebaikannya, Perdana Menteri berkata dasar Ekonomi MADANI yang dibawa Kerajaan Perpaduan lebih bertumpu kepada kerangka serta permasalahan semasa berbanding dasar terdahulu yang dilihat lebih menumpu kepada agenda dirangka dari acuan Barat.

"Itulah sebabnya mengapa kita buat anjakan yang berteraskan nilai. Dalam WKB 2030 tidak ditekankan soal nilai, tidak ditekankan dengan kuat soal tata kelola, tidak ditekankan masalah tempatan, apa yang berlaku di Malaysia.

"Itu hanya kerangka universal, global..ya, ada baiknya.. tapi kelemahannya ia tidak menekankan masalah semasa. Jadi ini juga termasuk dalam isu kos sara hidup. Ia juga tidak membangkitkan isu umpamanya apakah hutang yang kita warisi, defisit kita warisi, (kerana) perancangan sekarang mesti ambil kira masalah itu.

"Sebab itu, saya masih menekankan bagi Malaysia sekarang dan masa depan, dalam kalangan generasi anak muda bila merangka apa-apa dasar, jangan berpuas hati istilah yang memukau daripada acuan Barat, tapi mesti ada kekuatan untuk memberikan takrifan dan nilai tempatan yang berakar kepada agama dan akhlak di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, sungguhpun Malaysia memanfaatkan pandangan Bank Dunia dalam merangka hala tuju ekonomi negara, namun wujud keangkuhan mengenai kefahaman me-



Perdana Menteri pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Izzuddin Abd Radzak/BH)

reka sendiri tentang Malaysia.

"Sementara kita ada memanfaatkan pandangan Bank Dunia, tapi kita faham juga bahawa ada keangkuhan kerana kefahaman mereka tentang agama, nilai tidak sepantas pemikir dan ahli ekonomi tempatan.

"Sepatutnya mana-mana negara, walau kita ambil kira beberapa pandangan pakar antarabangsa termasuk Bank Dunia, jangan hanya menciplak... kemudian menjadikan ia sebagai agenda negara sebagaimana berlaku dalam WKB 2030," katanya.

Terdahulu ketika menjawab soalan asal Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) berkenaan inovasi baharu Ekonomi MADANI yang berbeza dengan WKB 2030,

Anwar berkata, situasi dan keadaan ketika WKB 2030 dilancarkan adalah berbeza dengan semasa.

"Pasca COVID-19 ini, kita harus menerima kenyataan, kita berhadapan keadaan tidak dijangka dan kadang-kadang berlaku dalam keadaan serentak permasalahannya.

"Oleh itu, kita memikirkan keperluan memperkenalkan dasar yang selari nilai agama, pemikiran dan permasalahan tempatan.

"Kedua, ia bertunjangkan kemampuan ekonomi dan ketunjangkan fizikal serta diselaraskan soal ihsan dan kesepaduan.

"Ketiga, ia mendukung cita-cita yang menyeluruh kepada negara bukan saja ekonomi tetapi soal keterangkuman sosial dan tatakelola," katanya.